

Program Bimbingan Berterusan Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM) Di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SSN SMK Mutiara WP Labuan



Labuan, 31 Jan 2023 – Seramai 6 orang Pegawai Lembaga Peperiksaan Malaysia, KPM, 2 orang Pegawai dari Sektor Pentaksiran Dan Peperiksaan JPWP Labuan Dan 1 orang Pegawai Sektor Pendidikan Khas JPWP Labuan telah datang Ke SSN SMK Mutiara bagi melihat pelaksanaan PASM khususnya Pentaksiran MBPK Di PPKI SSN SMK Mutiara.

Kehadiran Rombongan disambut oleh Encik Ag. Rozlan Bin Manan (Pengetua SSN SMK Mutiara), Puan Roslaniah Binti Zainal (Penolong Kanan Pendidikan Khas), Guru Pendidikan Khas Dan Pembantu Pengurusan Murid.

Program dimulakan dengan Pembentangan Profile Sekolah dan PPKI oleh Tuan Pengetua SSN SMK Mutiara. Kemudian, lawatan ke kelas PPKI untuk melihat aktiviti kemahiran MBPK.



Pembentangan Profile Sekolah dan PPKI oleh Tuan Pengetua Seterusnya ke Makmal Komputer untuk bimbingan pelaksanaan PASM yang telah di buat oleh guru Pendidikan Khas. Beberapa isu PASM yang dialami oleh guru turut disampaikan semasa bimbingan.

Wakil Pegawai LPM iaitu Tuan Hj Shamsulamri, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pembinaan Instrumen Alternatif, menyampai rasa bangga atas kesungguhan pihak sekolah melaksana Pentaksiran MBPK Di PPKI. Beliau mengingatkan pihak sekolah membuat perancangan pelaksanaan EBAI agar dapat membantu MBPK dalam kebolehpasaran di bidang kerjaya atau latihan tertinggi.

Program ditutup dengan Penyampaian Cenderahati dari Pihak Lembaga Peperiksaan kepada pihak sekolah. Sebelum

bersurai, rombongan menikmati Jamuan ringan Di Bilik Mesyuarat.

Berita Oleh : SMK Mutiara

Lawatan ke Kelas PPKI melihat aktiviti Murid kemahiran Vokasional

Penyampian cenderamata oleh Wakil Pegawai LPM